

Masam Masam Manis

Mohamed Ghouse Nasuruddin

P. Ramlee dilahir atas nama Teuku Zakaria di Pulau Pinang pada 22hb Mac 1929 pada Hari Raya Aidilfitri kepada pasangan Teuku Nyak Puteih (ayah) dan Che Mah Husin (ibu). Dia mendapat Pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jawa dan pendidikan lanjutan di Sekolah Penang Free sehingga perang Dunia Kedua dimasa mana dia menyertai sekolah tentera laut Jepun (*Kaigun*).

P. Ramlee adalah seniman luar biasa dan pembikin film (filmmaker) teragung. Dia merupakan seniman versatile sebagai pelakon, pemuzik, penyanyi, pencipta lagu, penulis skrip, dan pengarah film. Keseluruhannya, P. Ramlee berlakon dalam 66 buah film yang 33 daripada jumlah ini diarah olehnya sendiri, disamping mencipta 359 lagu. Dan dia telah digelar sebagai seorang filem Auteur, iaitu pembikin filem yang mempunyai gaya tersendiri dan unique dan cemerlang.

Filem-filem awalnya menggunakan pelakon Bangsawan kerana mereka adalah pelakon-pelakon terlatih dan handal yang berlakon berbagai watak seperti Orang Muda, Jin Afrait, Mak Inang dan juga watak-watak jenaka (comic). Antara pelakon Bangsawan yang terkenal yang menyertai filem-filem Ramlee ialah Ahmad Nisfu, S. Kaderisman, Omar Rojek, Salleh Kamil, Kasma Booty, dan beberapa pelakon Indonesia.

Walaupun Bangsawan berpindah dari pentas ke layar perak, namun struktur plot, gaya lakonan, lafasan dialog and interpretasi, ucapan tetap dan kegunaan muzik, nyanyian dan tarian tetap menjadi asas filem awal P. Ramlee. Juga cerita mirip cerita Bangsawan seperti legenda, kisah raja-raja dan alam khayalan (fantasy) dimana manusia berinteraksi dengan makhluk kayangan diterjemahkan ke dalam bentuk filem.

Selepas era filem ala bangsawan, filem P Ramlee bertukar kepada gaya realisme, namun unsur muzik, tarian dan lagu masih diserapkan. Melalui filemnya, P. Ramlee membuat commentar penghidupan lapisan masyarakat tentang issue taraf dan kedudukan orang biasa dan kaum kerabat dan bangsawan, tentang miskin dan kaya, dan mereka yang percaya tanpa persoalan dan yang mudah diperdayakan (*gullible*).

Filem **Penarik Beca** menggambarkan penghinaan terhadap kelompok masyarakat miskin, sementara filem **Antara Dua Darjat** menunjukkan ketaksupan kerabat istana dan penghinaan terhadap orang biasa. Ketaatan yang membuta dan tidak termasuk akal di pertunjukan di dalam filem **Hang Tuah**, dimana orang biasa kehilangan kewarasan pemikiran sehingga patuh membuta tuli terhadap arahan Raja. **Musang Berjangut** mendedahkan ketempangan nafsu pihak atasan dan kaum kerabat. Filem **Sarjen Hassan** memupuk semangat patriotism.

Filem filem komedi P. Ramlee mencabar pemikiran disamping teguran etika dan moral melalui aksi farce dan komik, seperti filem seri **Bujang Lapok** dan **Do Re Mi**. Filem **Madu Tiga** memberikan penggambaran lucu tentang poligami serta pandangan serius terhadap dignity Perempuan. **Masam Masam Manis** adalah salah satu filem yang melalui kelucuan aksi dan dialog menunjukkan tangkapan masyarakat terhadap orang perempuan yang mencari nafkah untuk hidup. Di samping mengkesahkan pertalian cinta dan kebencian dan salah angapan dan identity. Juga mengesahkan institusi cabaret ketika itu dalam lengkongan emosi sosial dan moral.

Filem **Masam Masam Manis** (1965) yang diarah oleh P. Ramlee dan dibintangi oleh P Ramlee, salah pengasasan Sharifah Hanim, Mariani, dan Mahmud June adalah filem komedi yang menegaskan aksi lucu farce (farcical). Ceritanya mudah dan berkisar tentang salah faham, kekeliruan identity, serta sentiment egoistik Ramlee dan Hanim. Lokasinya sekitar Kuala Lumpur.

Plot filem ini berkisar sekitar konfrontasi diantara Sharifah Hanim yang baru tiba dari Kedah untuk berkerja sebagai penari cabaret di Kuala Lumpur dan Ciku Shaari (P. Ramlee). Mereka berjiran bilik di rumah tumpangan. Pertelingkahan berlaku apabila Hanim mengetuk dinding untuk memasang paku untuk mengantung gambar. Ketukan riuh rendah itu merngejut Ramlee yang sedang tidur nyenyak, menyebabkan dia menjadi berang dan memaki jirannya, Hanim, tanpa bersemuka. Detik ini bermulalah pertelingkahan diantara kedua-dua watak ini.

Tema kedua penting (minor theme) mengesah tentang perkerjaan cabaret dan klub malam yang terdapat dibandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Johor Bahru dan Singapura pada tahun 1965. Selari dengan Kabaret klub malam ialah Pentas Ronggeng yang terdapat seperti di New World Park Pulau Pinang. Klub Malam cabaret ditonton oleh pelanggan dari Kumpulan pendapatan pertengahan dan tinggi (middle and upper income). Biasanya tarian barat seperti waltz, fox trot, cha-cha, mambo, shindig dan twist dipersembahkan. Pelanggan dipentas Ronggeng tidak dibenarkan menyentuh pasangan semasa menari, tetapi dibenarkan dikelab malam cabaret.

Filem *Masam Masam Manis* memberikomentar tentang penghidupan penari cabaret and penghinaan oleh masyarakat terhadap mereka, seperti katanya P. Ramlee kepada isterinya, Hanim, "Perempuan cabaret, semua sama, low class." Tomahan ini membawa penentangan dari Mariani, ia berkata, "Cikgu ingat semua Perempuan cabaret itu low class ye? Saya kasi ingat sekali lagi dengan cikgu tau. Apa, cikgu ingat orang-orang terpelajar macam cikgu tu banyak high class?"

Tomahan penghinaan tentang Perempuan cabaret juga di buat oleh Kuswadinata dalam filem ***Antara Dua Darjat***, apabila dia menghina ibu tirinya (isteri muda Ahmad Nisfu) dengan kata-kata "Perempuan cabaret," untuk menyedarkan yang ibu tirinya daripada lapisan rendah tidak langsung setaraf dengan kedudukan mereka sebagai kaum kerabat.

Cerita dalam file mini menggunakan pengaliran insiden linear (linear progression of course and effect incidents) dan aksi yang dicetuskan oleh sebab musabab (cause and effect). Dalam semua cerita samada drama pentas atau filem, konflik adalah unsur asas dan penting dan melalui penemuan (discovery) menggerakkan aksi dramatic (dramatic actions).

Terdapat dua detik penemuan dramatic dalam cerita ***Masam Masam Manis***; satu, ialah apabila Ramlee dan Hanim bertemu muka dan sedar yang orang yang mereka bertelingkah dan berkelahi adalah sama dengan yang mereka cinta. Kedua, ialah apabila Ramlee mengetahui yang isterinya Hanim bukanlah seorang guru masak kelas malam tetapi seorang penari/penyanyi cabaret.

Penemuan (discovery) pertama menyelesaikan konfrontasi di antara kedua-dua yang bercinta dan berakhir dengan perkahwinan. Sementara penemuan kedua melahirkan ketegangan, perpisahan, jemburu dan kebencian di pihak Ramlee; Hanim yang sebaliknya menjadi mangsa. Kesalahan Hanim ialah menyembunyi perkerjaannya yang sebenar, sebaliknya membohong dengan Ramlee. Namun dia cuba menamatkan perkerjaannya sebagai penari cabaret supaya hidup serasa dan selesa dengan suaminya Ramlee, tetapi hasratnya gagal.

Masam Masam Manis adalah filem komedi rendah (low-level farcical comedy) dengan dialogue dan aksi digarap untuk melahirkan ketawa. Seperti filem lawak jenak rendah, aksi Ramlee adalah melebihi-lebihan (exaggerated) dan kadang kala mirip sebagai kartoon (cartoonish).

Humor (jenaka) adalah unsur penting dalam hampir kesemua filem P. Ramlee, dibukti dalam filem seri ***Bujang Lapok***, seri ***Do Re Mi***, ***Musang Berjangut***, ***Tiga Abdul***, ***Madu Tiga***, ***Labu Labi*** dan ***Masam Masam Manis***. Jenaka dalam filem Ramlee merangkumi dari yang rendah, iaitu farce, seperti dalam filem, ***Masam***

Masam Manis, Do Re Mi dan Tiga Abdul, di mana dialog dan aksi berlebihan wujud dalam situasi yang tidak realistic hanya untuk mencetuskan ketawa. Juga terdapat komedi tinggi seperti **Ali baba Bujang Lapok** dan **Keluarga 69**.

Sehingga hari ini tema dan pemikiran filem P. Ramlee tetap relevan kerana dia menyentuh nilai universal manusia dalam bentuk komedi dan melodrama.

P. Ramlee adalah seorang seniman luar biasa (artiste extraordinaire), pembikin filem yang agung, pemuzik dan pelakon terhandal, yang mencetuskan emosi gelak ketawa, tangisan, kebencian, kemarahan dan cinta melalui medium visual filem. Filem-filemnya menggambarkan keikhlasan dan kebenaran dalam menanganani kelemahan, kekuatan, keburukan, kebaikan, ketamakaan dan kerakusan kegunaan kuasa.

Pembikin filem semasa masih jauh pencapaian jika disbanding dengan hasil karya dan kualiti filem P. Ramlee. Ramlee bukan sekadar pembikin filem untuk melahir jenaka, namun dia seorang pemikir yang menggunakan bentuk visual mengkritik selok belok kewujudan manusia. Sehingga kini tidak ada penggantinya. Lagunya **Dimanakan ku Cari Ganti** merupakan kelohan sanubari mengenangkan ikon filem Melayu.

Rujukan

Amir Muhammad. **120 Malay Movies**. Petaling Jaya: Matahari Books, 2010.

Adil Johan. **Cosmopolitan Intimacies: Malay Film Music of the Independence Era**. Singapore: NUS Press, 2018.

Arkib Negara Malaysia. **Senandung Warisan**. Kuala Lumpur: Akrib Negara Malaysia, 2004.

Scott, James F. **Film: The Medium and the Maker**. New York: Holt Rinehart and Winston, Inc., 1975.

Mohamed Ghouse Nasuruddin, *Fifty years after his death, there's still no replacement for legendary P. Ramlee*, Twentytwo13, May 29, 2023.

Mohamed Ghouse Nasuruddin
Pusat Pengajian Seni
Universiti Sains Malaysia,
Penang.